



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 05/08

TEMA MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA SEMAI INOVASI DI SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2024 PERINGKAT MINDEF

1. KUALA LUMPUR, 19 Ogos 2024 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2024 Peringkat Kementerian Pertahanan (MINDEF) di Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur hari ini.
2. Bertemakan **Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka**, sambutan **Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM)** peringkat MINDEF tahun ini memegang kepada teras perlambangan kesepaduan secara holistik dan progresif dalam menaungi rakyat berbilang kaum untuk bersatu hati serta teguh jati dirinya dalam mempertahankan negara. Tema HKHM tahun ini memfokuskan kepada budaya inovasi dalam kalangan warga MINDEF.
3. Semasa berlangsung, YB Menteri Pertahanan telah menyerahkan Jalur Gemilang kepada Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman mewakili warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak mewakili warga awam MINDEF sebagai **simbolik pelancaran kepada sambutan Kemerdekaan Peringkat MINDEF Tahun 2024**. Seramai lebih 550 warga MINDEF yang terdiri daripada pegawai dan anggota ATM serta kakitangan awam MINDEF telah melafazkan ikrar **Rukun Negara** yang diketuai oleh Lettenan Kolonel Mohd Eqram bin Mohd Rosli daripada Markas Tentera Darat sebagai ketua pembaca ikrar.
4. Majlis diteruskan dengan perarakan beberapa aset kenderaan ATM dan MINDEF yang melintasi Dataran Wisma Pertahanan dengan irungan persembahan *drumline* daripada Markas Tentera Udara. YB Menteri Pertahanan kemudiannya memasang bendera di kenderaan ATM sebagai simbolik kedua Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat MINDEF Tahun 2024 dan seterusnya membuat **pelepasan flag off** kepada perarakan aset-aset.
5. Kemudiannya, YB Menteri Pertahanan dan Pengurusan Tertinggi MINDEF bergerak ke Sudut Khas Pameran Kemerdekaan di Lobi Utama Wisma Pertahanan bagi melihat pameran inovasi melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM. **Pameran-pameran berkenaan telah ditampilkan dengan penuh kreatif dan inovatif** melibatkan:

- a. Projek Smart Unmanned Aerial Vehicle (UAV) TD daripada Tentera Darat Malaysia.
 - b. Mobile Comint dari Bahagian Siber Elektromagnetik, Tentera Laut Diraja Malaysia.
 - c. SLOPT dan RWR B-SENSING dari Tentera Udara Diraja Malaysia.
6. Turut hadir sewaktu kelangsungan majlis adalah Panglima Tentera Udara; YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Pemangku Panglima Tentera Laut; YBhg. Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan); YBrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan); YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Panglima Tentera Darat mewakili Panglima Tentera Darat; YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Pegawai-Pegawai Kanan ATM, Pengurusan Tertinggi MINDEF serta warga Awam dan ATM.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 19 Ogos 2024**